



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/08/24/0029 (21)
Tarikh : 1 Oktober 2024

MANETO ENGINEERING SDN. BHD.
7, Jalan Haji Eusoff,
Perumahan Jalan Kampar,
30250 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Encik Mohamad Hafiz Bin Mohd Jamal)

Tuan/Puan,

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN SECARA SERENTAK BAGI CADANGAN MEMBINA SKIM PERNIAGAAN YANG MENDUNGKI : A) JENIS A (22' X 80') : 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS PLOT 1 & 14 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT DI ATAS PLOT 2 - PLOT 15. B) JENIS B (22' X 70') : 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS PLOT 28 & 12 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT DI ATAS PLOT 16 - PLOT 27. DI ATAS LOT 320169 (PN 427395), BANDAR KAMPAR, DAERAH KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN DASAR AFDAL (PK) SDN. BHD.

PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU BESERTA PERMIT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Daerah Kampar dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti di **Lampiran A**.
3. Pihak Tuan/Puan diingatkan supaya mengikut prosedur dan mematuhi syarat-syarat kerja korek gali yang telah ditetapkan di dalam **Lampiran Permit Kebenaran Bagi Memulakan Kerja Di Dalam Kawasan Majlis Daerah Kampar** dan pemeriksaan rutin akan dijalankan oleh pihak kami dari semasa ke semasa bagi memantau kerja-kerja korek gali yang dijalankan.
4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Daerah Kampar seperti di Lampiran A.
5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Puan Nur Athirah Binti Sahar** di talian **010-5048671** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/08/24/0029 (1)
Tarikh : 1 Oktober 2024

PROJEK / KERJA : PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN SECARA SERENTAK BAGI CADANGAN MEMBINA SKIM PERNIAGAAN YANG MENGANDUNGI : A) JENIS A (22' X 80') : 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS PLOT 1 & 14 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT DI ATAS PLOT 2 - PLOT 15. B) JENIS B (22' X 70') : 1 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS PLOT 28 & 12 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT DI ATAS PLOT 16 - PLOT 27. DI ATAS LOT 320169 (PN 427395), BANDAR KAMPAR, DAERAH KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN DASAR AFDAL (PK) SDN. BHD.

PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU BESERTA PERMIT

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/01102024/Koridor/Athirah

s.k :

**Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar**
Kompleks Pentadbiran MDKampar,
Jalan Iskandar,
31900 Kampar.
(u.p: Jabatan Kejuruteraan)





Lampiran A

| Bil. | Perkara |
|------|---|
| 1. | Kerja pengorekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara clean-cut with diamond cutter. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan. |
| 2. | Pemohon hendaklah melakukan kerja turapan semula dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja tertakluk kepada arahan pihak MDKpr. |
| 3. | Jika melibatkan jalan baru, pemohon perlu menurap keseluruhan jalan. |
| 4. | Pihak pemohon bertanggungjawab untuk mengubah utiliti pada bila-bila masa sekiranya terdapat keperluan daripada PBM. |
| 5. | Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit. |
| 6. | Tempoh Sah Permit korekan adalah sah sehingga enam (6) bulan dari tarikh surat kelulusan permit dikeluarkan. |
| 7. | Permohonan lanjutan tempoh permit sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tamat tempoh permit korekan. |
| 8. | Sekiranya tiada sebarang kerja dijalankan dalam tempoh sah permit dan tiada sebarang permohonan lanjutan permit dikemukakan, kelulusan ini adalah terbatal serta-merta. Pemohon bertanggungjawab mengemukakan permohonan baru beserta menjelaskan bayaran fi untuk diberikan kelulusan permit korekan semula. |
| 9. | Pemohon perlu mengemukakan Notis Kebenaran Memulakan Kerja kepada Pihak Majlis Daerah Kampar (MDKpr) seminggu sebelum kerja dilaksanakan di tapak. |
| 10. | Pemohon perlu menyediakan papan tanda keselamatan yang mencukupi. |
| 11. | Pemohon perlu menampal semula jalan yang dikorek dalam tempoh 24 jam. |
| 12. | Perlu menurap semula keseluruhan jika melibatkan jalan yang baru diturap. |
| 13. | Selepas siap kerja sepenuhnya, pemohon perlu mengemukakan surat pemakluman siap kerja untuk pengesahan daripada MDKpr. |
| 14. | MDKpr akan mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja selepas berpuas hati dengan pembaikan yang dilakukan. |
| 15. | Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah selama enam (6) bulan bermula dari tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. |
| 16. | Wang Cagaran boleh dituntut selepas tamat Tempoh Kecacatan dengan syarat keadaan di tapak masih dalam keadaan yang baik tanpa sebarang kerosakan. |

